

04/05/2003

Kerajaan minta The Economist perbetul fakta

Rasid Rahaman; Munaarfah Abu Bakar

IPOH: Kerajaan sudah menghantar surat penjelasan untuk disiarkan di majalah mingguan, The Economist bagi membetulkan kesalahan fakta dalam laporan khas majalah itu mengenai kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata penjelasan itu dihantar oleh Pengerusi Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed untuk menangkis beberapa hujah tidak tepat yang disiarkan dalam rencana berkenaan.

"Mustapa telah menghantar (surat penjelasan) kepada The Economist bagi menangkis hujah majalah berkenaan mengenai beberapa perkara, termasuk kesalahan (fakta) yang perlu perbetulkan.

"Tindakan itu sudah berjalan dan kita sedang menunggu reaksi daripada mereka," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Perak di kediaman Menteri Besar di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perkembangan terbaru berhubung isu laporan khas penulis majalah The Economist keluaran 5 hingga 11 April lalu, Christopher Lockwood yang memperlekehkan sumbangan dan kepemimpinan Dr Mahathir.

Dalam kenyataannya kelmarin, beliau berkata, The Economist bersedia membuat pembedulan dan meminta maaf dengan menyiarkan kenyataan atau rencana, sekiranya berlaku kesilapan fakta dalam laporan khas itu.

Abdullah berkata, majalah itu bagaimanapun enggan meminta maaf dan mahu terus bertanggungjawab dengan pandangannya tetapi bersedia menerima dan menyiarkan pandangan kerajaan bagi menangkis penulisan laporan berkenaan.

Mengulas lanjut perkara itu, beliau berkata, pihaknya menerima surat yang ditandatangani Ketua Editor The Economist di London yang bersedia memberi ruang kepada kerajaan bagi menangkis pandangan dalam laporan khas terbabit.

"Surat yang ditandatangani oleh Chief Editor The Economist yang berada di London sendiri, menjelaskan sebagaimana saya laporkan kepada akhbar (sebelum ini).

"Jika ada kesalahan fakta, mereka sedia membuat pembedulan dan meminta maaf. Mengenai pandangan macam-macam perkara itu, mereka tidak akan meminta maaf tetapi bersedia memberi ruang kepada kita menangkis pandangan itu," katanya.